



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **12 Dec2021 (Sunday)**

Berita Harian

IWK ambil alih khidmat pembentungan MBBB, MBPG	1
Bumbung blok SMK Seri Menanti runtuh	2

Harian Metro

RUNDINGAN 5 TAHUN GAGAL	3
ISTIGHATHAH KEPADA RASULULLAH SAW SYIRIK?	4
87 TERIMA ANUGERAH	5
TAK PERLU PANGKAH SAYA	6

Sinar Harian

Gegar Tanjung Karang, Sabak Bernam	7
------------------------------------	---

Berita Harian Online

KSN, barisan hadapan antara penerima darjah kebesaran Selangor	8
38 penduduk flat ditawarkan pangsapuri RM300,000	9
Ali Biju kena jelaskan keadaan bantu GPS	10
Ali kena jelaskan keadaan bantu GPS	11
Keputusan Ali Biju kukuhkan hubungan Persekutuan, negeri	12
Sektor pelancongan bakal 'bangkit'semula	13
Siasatan pengambilan tanah PKNS Sungai Baru ditangguh tahun depan	14

Berita RTM

Semarakan Semula Industri Pelancongan	15
---------------------------------------	----

KOSMO Online

Warga emas lumpuh hidup sendirian	16
-----------------------------------	----

Malaysiakini Online

Cukai hiburan S'gor: Sebenarnya penurunan dari 25% ke 15%	17
Ali Biju harap pengorbanan di Krian dibalas GPS di Saratok	18

myMetro On-line

Istighathah kepada Rasulullah SAW syirik?	19
KSN, barisan hadapan antara penerima darjah kebesaran Selangor	20
Kemenangan GPS adalah kemenangan saya - Ali Biju	21

Sinar Harian Online

4,400 pemain industri bincang hala tuju pelancongan pasca Covid-19	22
87 penerima darjah, bintang kebesaran sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor	23
Agihan bantuan sekolah kembali dua sesi: MB Selangor	24
MB merafak sembah tahniah kepada Sultan Selangor	25
Mesej antirasuah bergema di Selangor	26
PM ucap tahniah sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor	27
Sabak Bernam destinasi kedua singgah santai Konvoi #RasuahBusters	28
Selangor agih RM23.2 juta bantuan sekolah	29
Budaya tinggal inap rancakkan industri pelancongan Selangor	30
Jafri gembira dapat semula rentak permainan	31
Konvoi #RasuahBusters	32
Pembangunan Kampung Sungai Baru: Pemaju tawar pangsapuri	33



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Tangguh siasatan pengambilan tanah Sungai Baru ke tahun hadapan	34
Utusan Malaysia Online	
Kasih Sultan kepada rakyat	35
Mohd. Nazlan antara 87 penerima darjah sempena sambutan keputeraan Sultan Selangor	36
'Saya korbankan Krian, maka GPS perlu korbankan Saratok' – Ali Biju	37
Santuari Kelah, Tasik Kenyir diiktiraf Inisiatif Eko Pelancongan Terbaik	38
SIBS, SAS rekod RM317 juta pelaburan	39
The Star	
Correction in caption	40
Selangor Sultan honours 87 with medals and awards	41
New Straits Times	
38 who oppose Sg Baru project to be offered apartment units	42
Malaysiakini Online	
Entertainment tax: Reduction from 25 to 15pct, Selangor govt clarifies	43
New Straits Times Online	
87 receive awards, medals in conjunction with Selangor Sultan's birthday	44
Ali hopes Bersatu will be allowed to contest Saratok in GE15	45
The Star Online	
Addressing mental health needs	46
Caring royal with a love for animals	47
Empathetic Crown Prince	48
Keeping his subjects close to heart	49
PM congratulates Sultan of Selangor on his 76th birthday	50
Stop playing up racial issues, politicians told	51
Sultan: Let qualified professionals run GLCs	52
Turning S'gor into a global business hub	53
Warm wishes for a respected Ruler	54
Ali Biju wants GPS to let him defend Saratok in GE15	55
China Press	
Can trough by SSP e-wallet replace to pay, busy area only limit 2 hours parking.	56
Dewan MPAJ Cheras on Jalan Kuari provides Covid-19 vaccine booster jabs	57
Selangor restarts and promotes tourism, data is not the only reference	58
Dengue fever cases in Klang is a record low in 5 years. The number of cases this year is reduced by more than half compared with last year.	59
Residents are in arrears with house tax, beware of law enforcement officials come to the house do a collection.	60
Selangor government will fully adopt the e-payment parking fee system next month	61
Teng Chang Khim suggests Tourism Selangor promote tourism with excellent photographic works	62
MPKJ allocates RM20,000 to pave the road pit and rebuild 7 speed bumps	63
Selangor Sultan confers awards oin 87 people; Royal Council member is conferred highest honour	64
Sin Chew Daily	
KL Photograph festival physical exhibition was started, Teng Chang Khim was the host for the opening	65



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Selangor MB: Looking forward Malaysia open for tourism, Selangor tourism industry ready for foreign tourist	66
Nanyang Siang Pau	
Selangor government allocates one-time amount of RM9m to 137 schools	67
Menteri Besar of Selangor: Selangor relaunch tourism promotion plan due to high vaccination rate and reduced severe illness rate	68
Teng Chang Khim advises Tourism Selangor to use photography to promote tourism	69
Guang Ming Daily	
Sultan of Selangor : GLC senior positions should be occupied with experts; "Do politicians have the qualifications or experience to fill them?"	70
Menteri Besar of Selangor: If the previous visits are restored, the industry must be ready to welcome the tourists	71
RTM2	
115 Juta Semarakkan Semula Industri Pelancongan Selangor	72



KERATAN AKHBAR
12 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	IWK ambil alih khidmat pembetungan MBBJ, MBPG
Muka Surat	:	18

IWK ambil alih khidmat pembetungan MBBJ, MBPG

Kuala Lumpur: Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor bersetuju menjalinkan kerjasama untuk menaiktaraf dan meningkatkan mutu perkhidmatan pembetungan di kawasan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Kerjasama ini membolehkan penyerahan perkhidmatan pembetungan di kedua-dua kawasan ini kepada Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan dan agensi di bawah kawalselia Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA).

Dengan pengambilalihan ini, IWK beroperasi di kedua-dua kawasan mulai 1 Disember lalu.

IWK akan mengambil alih operasi dan penyelenggaraan 191 loji rawatan kumbahan ia itu 147 di MBBJ dan 44 di MBPG, yang memabtkan populasi setara (PE) sebanyak 1.46 juta penduduk.

Pada masa sama, IWK juga akan menyediakan perkhidmatan menyahenap cemar kepada kira-kira 293,236 tangki septik individu dan tangki tradisional di kedua-dua kawasan.

Oktober lalu, satu perjanjian kolaborasi pengambilalihan

sistem pembetungan awam di MBBJ dan MBPG telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif Johor Special Water (JSW) Sdn Bhd, Zulkiflee Abas dan Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Narendran Maniam.

Majlis berkenaan turut disaksikan oleh Menteri Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Tuan Ibrahim Tuan Man dan Menteri Besar Johor, Datuk Hasni Mohammad.

Melalui kolaborasi ini, mutu dan kualiti perkhidmatan pembetungan khususnya dari aspek pematuhan kepada piawai pelenyapan efluen terawat Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan kualiti perkhidmatan dapat ditingkatkan secara berperingkat.

Inisiatif ini juga dapat mengawal pencemaran sumber air oleh efluen yang tidak dirawat dengan sempurna ke atas 18 sungai utama, termasuk Sungai Skudai, Sungai Kim-Kim dan Sungai Masai.

Berucap pada majlis itu Tuan Ibrahim, berkata MBBJ dan MBPG akan mendapat geran daripada Kerajaan Persekutuan untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pembetungan.

Katanya, ini termasuk baik pulih loji, sistem penyaluran

dan pembinaan rawatan kumbahan berpusat dengan penyerahan rezab tapak pembetungan kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

"Sektor pembetungan juga adalah salah satu komponen kritikal dalam merealisasikan Transformasi Sektor Air 2040 dan disokong melalui pelaksanaan projek pembetungan dengan jumlah peruntukan hampir RM3 bilion di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)," katanya.

Sementara itu, Narendran berkata, dengan pengalaman dan kepakaran teknikal IWK selama 27 tahun, pihaknya akan memastikan aset pembetungan dioperasikan dan diselenggarakan secara optimum.

"IWK berharap dengan pengambilalihan ini, sistem kumbahan dapat dijaga dengan baik dan dapat mengurangkan pencemaran sumber air oleh air sisa kumbahan yang tidak dirawat dengan baik serta mengalir masuk ke sungai utama di kedua-dua kawasan majlis bandaraya itu, terutamanya Sungai Kim-Kim, Sungai Masai dan Sungai Skudai," kata Narendran.

Menurutnya, IWK bersama JSW, anak syarikat milik Permodalan Darul Takzim me-



IWK beroperasi di kawasan MBBJ dan MBPG mulai 1 Disember lalu.

merlukan tempoh masa untuk membaik pulih kesemua aset pembetungan awam di kedua-dua kawasan ini.

Bagi perkhidmatan menyahenap cemar pula, Warta Kerajaan Persekutuan telah berkuat-

kuasa Mac lalu dan menetapkan bahawa pemilik atau penghuni mestilah bertanggungjawab memastikan tangki septik mereka berada dalam keadaan baik.

Melalui Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Perkhidmatan Nyahenap Cemar) 2021 ini, IWK sebagai syarikat pembetungan nasional, akan menguruskan penjadualan nyahenap cemar ke atas premis yang bersambung dengan tangki septik dengan mengeluarkan notis pemberitahuan kepada pengguna.

Pada masa sama, JSW menjadi pemegang permit bagi menjalankan kerja nyahenap cemar di bawah seliaan IWK di kedua-dua kawasan itu.

Kepada pengguna di kawasan MBBJ dan MBPG yang ingin mendapat maklumat lanjut mengenai urusan pengelbilan, boleh hubungi talian 03-20832828.

Sebarang maklumat lanjut, boleh hubungi pejabat operasi IWK di talian 07-511 4983 atau layari laman web rasmi iwk.com.my.



KERATAN AKHBAR
12 December 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bumbung blok SMK Seri Menanti runtuh
Muka Surat	:	20

Bumbung blok SMK Seri Menanti runtuh

Bangunan dalam kerja baik pulih, tidak digunakan pelajar

Oleh Essa Abu Yamin
bhnews@bh.com.my

Muar: Bumbung sebuah blok Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Menanti di sini, runtuh.

Ahli Parlimen Muar, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, berkata kejadian berlaku Khamis lalu, ketika sesi persekolahan dan semua pelajar sedang menjalani waktu rehat.

"Saya difahamkan tiada kemalangan jiwa. Dua buah blok sekolah berkenaan ketika itu terlibat dalam proses baik pulih bumbung, susulan strukturnya yang sudah uzur.

"Kerja menukar bumbung bermula sejak sesi persekolahan dibuka dan kedua-dua bangunan



Keadaan bumbung SMK Seri Menanti yang runtuh kelmarin.

(Foto ihsan pembaca)

berkenaan masih belum digunakan lagi," katanya ketika dihubungi semalam.

Syed Saddiq berkata, runtuhan bumbung memabitkan sebuah

bangunan dan pihak sekolah sudah menyerahkan isu berkenaan kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tindakan lanjut.

Sementara itu, Pegawai Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Rahman Selamat, enggan mengulas kejadian berkenaan kerana masih dalam siasatan JKR.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
12 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	RUNDINGAN 5 TAHUN GAGAL
Muka Surat	:	12

Kuala Lumpur

Pemaju projek pembangunan semula Sungai Baru, Kampung Baru, Ritzzy Gloss Sdn Bhd bersedia menawarkan pangsapuri bernilai RM300,000 kepada 38 pemilik flat PKNS Sungai Baru yang tidak bersetuju dengan projek berkenaan.

Pengarah Ritzzy Gloss, Abdul Hadi Ahmad berkata, tawaran pangsapuri berkeluasan 900 kaki persegi melalui pakej harmoni itu boleh dimiliki dengan separuh harga daripada jumlah pampasan pengambilan tanah yang diterima oleh setiap pemilik flat.

"Sebagai contoh, pemilik yang menerima jumlah pampasan pengambilan tanah berjumlah RM250,000 boleh memiliki pangsapuri ini dengan harga RM125,000.

"Kediaman ini dilengkapi dengan tiga bilik tidur dan dua bilik air berserta satu tempat letak kereta yang akan dibina di dalam kawasan projek pembangunan semula itu," katanya pada sidang media mengenai projek pembangunan semula Kampung Sungai Baru di sini, kelmarin.

Abdul Hadi berkata, tawaran itu akan dikemukakan kepada pemilik flat berkenaan selepas mereka menerima jumlah rasmi nilai pampasan pengambilan tanah daripada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKTPG) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Sabtu lalu, sebahagian



DUDUK depan dari kanan, Abdul Hadi, Zulfakar dan timbalannya, Sarnita Yunus bersama penduduk Kampung Sungai Baru berbincang mengenai Projek Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru. - NSTP/AMIRUDIN SAHIB



Orang (pemilik) yang menyokong sudah 85 peratus dan setiap majoriti harus diberi keutamaan, kesian orang yang sudah pindah ke rumah transit, menyewa di luar dan sudah ada yang meninggalkan dunia sementara menunggu projek ini dilaksanakan"

Zulfakar Wahid

Persatuan Kebajikan Pemilik Hartanah Kampung Sungai Baru, Zulfakar Wahid berkata, usaha untuk mendapatkan persetujuan keseluruhan penduduk bagi projek pembangunan semula itu dimulakan pada 2016 namun hanya minoriti sahaja yang tidak menyokongnya.

"Orang (pemilik) yang menyokong sudah 85 peratus dan setiap majoriti harus diberi keutamaan, kesian orang yang sudah pindah ke rumah transit, menyewa di luar dan sudah ada yang meninggalkan dunia sementara menunggu projek ini dilaksanakan," katanya.

Zulfakar turut menjelaskan bahawa projek pembangunan Kampung Sungai Baru itu adalah berbeza dengan pembangunan semula Kampung Baru di bawah Lembaga Tanah Pertanian Melayu (Mas).

RUNDINGAN 5 TAHUN GAGAL

38 pemilik flat PKNS Sungai Baru yang tidak bersetuju dengan projek pembangunan semula ditawarkan pakej harmoni

penduduk Kampung Sungai Baru melakukan bantahan terhadap projek pembangunan semula kawasan terabit kerana tidak berpuas hati dengan tawaran pampasan rendah di bawah tatacara

Akta Pengambilan Tanah 1960.

Mengulas lanjut, Abdul Hadi berkata, pihaknya menggunakan peruntukan Akta Pengambilan Tanah 1960 yang dilaksanakan pada

Januari 2021 selepas rundingan lima tahun tidak berjaya mendapat persetujuan keseluruhan pemilik flat.

"Setakat ini, 85 peratus atau 226 pemilik flat bersetuju dengan projek pem-

angunan semula kawasan ini dan sekiranya 38 lagi pemilik flat bersetuju, projek berkenaan dijangka boleh dimulakan antara Jun atau Julai tahun depan," katanya. Dalam pada itu, Pengerusi



KERATAN AKHBAR		
12 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	ISTIGHATHAH KEPADA RASULULLAH SAW SYIRIK?
Muka Surat	:	15

LENTERA HADIS

ISTIGHATHAH KEPADA RASULULLAH SAW SYIRIK?




D

Maklum diketahui, penghulu anbia dan syuhada, bahkan seluruh makhluk Allah tidak lain adalah Rasulullah SAW. Baginda mempunyai kedudukan yang cukup tinggi di sisi Allah SWT

ikatakan nasyid: "Allah, Allah, aghithna ya Rasulullah..." (Allah, Allah, tolonglah kami wahai Rasulullah...) mengandungi unsur syirik. Benarkah demikian? Pertama, perlu diketahui bahawa meminta pertolongan (istighathah) kepada seseorang yang masih hidup tanpa mengiktikadkan sifat ketuhanan padanya adalah harus. Orang yang meminta pertolongan biasanya tahu perbuatannya hanya sebagai usaha atau sebab sahaja, manakala yang berkuasa menentukan hanyalah Allah SWT semata-mata. Ia tentunya tidak pasti sama ada permintaannya akan dipenuhi atau tidak. Melainkan orang yang diminta pertolongan itu masyhur diketahui bersifat pemurah dan baik hati, harapan untuk permintaannya dipenuhi adalah tinggi. Sehingga takat ini, golongan yang menolak istighathah menerima konsep ini dan bersetuju tiada syirik. Bagaimana dengan orang yang sudah meninggal dunia?

Ya, orang yang sudah meninggal dunia tidak lagi mempunyai apa-apa kelebihan kecuali golongan yang diberikan keistimewaan oleh Allah seperti anbia dan syuhada. Antara dalilnya, hadis mutawatir tentang hidupnya sekali nabi AS dalam kubur mereka seperti yang dinyatakan Imam as-Suyuti dalam kitab Anba' al-Adhkiya' bi Hayat al-Anbiya' dan firman Allah SWT: "Jangan sekali-kali engkau menyangka orang yang terbunuh (syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki." **Ali Imran: 169**

Maklum diketahui, penghulu anbia dan syuhada, bahkan seluruh makhluk Allah tidak lain adalah Rasulullah SAW. Baginda mempunyai kedudukan yang cukup tinggi di sisi Allah SWT. Kewafatan baginda hanya satu perpindahan dari alam dunia ke alam akhirat mengikut hukum tabii. Namun, baginda dapat mengetahui ucapan selawat umatnya yang disampaikan kepadanya (**Riwayat Abu Dawud dengan sanad sahih**), menjawab salam orang yang memberi salam kepadanya (**Riwayat Abu Dawud dengan sanad sahih**), hadir dalam mimpi sebahagian



SETIAP Muslim wajib meyakini hanya Allah yang berkuasa menentukan segala-galanya.

umatnya (**Riwayat al-Bukhari**), malah mengikti hal umatnya serta memohon kemampuan buat mereka, berdasarkan hadis: "Hidupku baik bagi kamu sekalian, kalian menyampaikan (daripadaku) dan kami menyampaikan kepada kalian. Kematianku juga baik bagi kamu sekalian kerana amal perbuatan kalian akan diperlihatkan kepadaku. Maka, sekiranya aku melihat kebaikan, aku akan memuji Allah kerananya. Dan sekiranya aku melihat keburukan, aku akan meminta ampun kepada Allah bagi kamu sekalian." **Riwayat al-Bazzar dengan sanad sahih**

Oleh itu, bolehkah beristighathah dengan Rasulullah SAW? Berdasarkan konsep yang dijelaskan, beristighathah dengan baginda hukumnya adalah harus dengan syarat tidak mengiktikadkan atau meletakkan sifat ketuhanan kepada baginda serta mengetahui perbuatannya hanya sebagai ikhtiar atau sebab sahaja disebabkan Nabi SAW mempunyai doa dan syafaat yang dipandang oleh Allah SWT. Sementara yang berkuasa menentukan dan memberikan manfaat atau mudarat hanyalah Allah sahaja. Berdasarkan sebahagian dalil yang dikemukakan menunjukkan kewafatan baginda bukan bermakna hubungan baginda terputus langsung dengan umatnya. Kewafatan baginda

Jangan sekali-kali engkau menyangka orang yang terbunuh (syahid) pada jalan Allah itu mati, (mereka tidak mati) bahkan mereka adalah hidup (secara istimewa) di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki"

Surah Ali Imran: 169

hanyalah pertukaran lazim dari alam fana ke alam baqa bukan bererti daripada berkuasa kepada tidak berkuasa. Ini kerana yang berkuasa hanyalah Allah semata-mata. Makhluk tiada berkuasa, baik semasa hidup mahupun sesudah mati. Ini asas pegangan akidah Ahli Sunah Waljamaah.

Adakah istighathah berlaku dalam kalangan sala? Ya, misalnya, al-Haitham bin Hanasy berkata: "Kami bersama Ibn Umar RA, lalu tiba-tiba kakinya kejang. Maka seorang lelaki berkata: "Sebutlah nama orang yang paling engkau cintai". Beliau pun menyebut: 'Ya Muhammad'. Lantas, seolah-olah beliau baru terlepas daripada simpulan (terus sembuh)." **Riwayat al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad dengan sanad sahih**

Pernah kemarau melanda Muslimin pada zaman Khalifah Umar bin al-Khattab RA. Maka, seorang sahabat (Bilal bin al-Harith RA) mendatangi makam Rasulullah SAW dan berkata: "Wahai Rasulullah, mohonkanlah hujan kepada Allah untuk umatmu kerana mereka benar-benar telah binasa." Kemudian dia bermimpi bertemu Rasulullah SAW dan baginda berkata: "Pergi temui Umar dan sampaikanlah salamku kepadanya. Beritakanlah kepadanya bahawa hujan akan turun untuk mereka dan katakanlah kepadanya:

"Hendaklah engkau bertindak bijaksana". Kemudian dia datang kepada Umar dan memberitahu kisahnya. Lalu Umar menangis dan berkata: "Ya Allah, aku tidak akan simpan daya upayaku kecuali apa yang aku tidak mampu." **Riwayat Ibn Abi Syaibah dan lain-lain dengan sanad sahih**

Semua ulama yang merekodkan athar ini tiada memberi ulasan bahawa ia boleh membawa kepada syirik. Sekiranya akidah betul dipasakkan, seseorang Muslim pasti tahu untuk meletakkan sesuatu perkara di tempatnya yang betul.

Penulis Ketua Unit Hadis di Institut Kajian Hadis & Akidah (Inhad), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis)



KERATAN AKHBAR		
12 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	87 TERIMA ANUGERAH
Muka Surat	:	16

HARI KEPUTERAAN SULTAN SELANGOR

87 TERIMA ANUGERAH

Shah Alam

Ahli Dewan Diraja Selangor Tengku Datuk Setia Ramli Alhaj Tengku Shahrudin Shah Alhaj antara 87 penerima Darjah dan Bintang Kebesaran sempena ulang tahun Hari Keputeraan yang ke-76 Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah, semalam.

Sultan Selangor berkenan mengurniakan Darjah Kerabat Kedua (DK II) kepada Tengku Ramli Alhaj yang juga Ahli Perbadanan Wakaf Selangor dan Ahli Pemegang Amanah Yayasan Raja Tun Uda.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Zuki Ali pula dikurniakan Darjah Kebesaran Seri Paduka Mahkota Selangor (SPMS) yang membawa gelaran Datuk Seri.

Seramai tujuh penerima dikurniakan Darjah Kebesaran - Datuk Paduka Mahkota Selangor (DPMS) yang membawa gelaran Datuk bagi ahli lelaki dan Datin Paduka bagi ahli wanita antaranya Duta Besar Malaysia ke Belgium Datuk Ahmad Rozian Abd Ghani, Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu (UAE) Mohd Tarid Sufian dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kanada Anizan @ Siti Hajjar Adnin.

Turut menerima Darjah Kebesaran DPMS adalah Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Mohd Nazlan Mohd Ghazali, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Datuk Mohd Syafiq Abdullah, Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan Markas Tentera Darat Mej Jen Anuar Mohamad Ali dan Panglima Wilayah Laut 1 (Kuantan) Tentera Laut Diraja Malaysia Laksamana Muda Datuk Zulhelmy Ithnain.

Darjah Kebesaran Datuk - Sultan Sharafuddin Idris Shah (DSIS) yang turut membawa gelaran Datuk bagi ahli lelaki dan Datin Paduka bagi ahli wanita, dikurniakan kepada sembilan individu antaranya Ketua Pengarah Pergigian Markas Tentera Darat Brig Jen Dr Mohd Rosli Majid, Pegawai Memerintah 94 HAT, Kem Terendak Brig Jen Dr Mohamed Hatta Manis dan Panglima Pasukan Khas Laut (Lumut), Markas Tentera Laut Laksamana Pertama Redzuan Talib.

Turut menerima Darjah Kebesaran DSIS ialah Jururing Tentera Kepada Sultan Selangor Kepten Ahmad Ramli Kardi, Pengarah Hospital Serdang Dr Rohana Johan, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni



Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) Prof Madya Dr Mohd Farid Ravi Abdullah, Lembaga Pemegang Amanah, Lembaga Zakat Selangor Dr Abdul Rahman Abdullah, Pengarah Urusan Sunway Healthcare Group Lau Beng Long dan Pengarah Urusan Segi Value Holdings Sdn Bhd Chui Ah Hock.

Sultan Sharafuddin turut berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran-Setia Mahkota Selangor (SMS) kepada 19 penerima antaranya Pakar Perubatan Forensik Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang Dr Kartini Md Ariff, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Selangor Rahilah Rahmat dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid Jabatan Agama Islam Selangor Hazman Che Mohamed.

Penolong Pengarah Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor Ha-

fisham Mohd Noor, Penolong Pesuruhjaya (Ketua Siasatan Negeri-KSN) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Negeri Selangor Adi Supian Shafie dan Pakar Perubatan Forensik dan Ketua Jabatan Hospital Serdang Dr Khairul Anuar Zainun antara 14 individu yang terpilih dianugerahkan Darjah Kebesaran Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah (SIS).

Sempena ulang tahun keputeraan itu, Sultan Selangor berkenan mengurniakan Darjah Kebesaran Ahli Mahkota Selangor (AMS) kepada 15 penerima dan Darjah Kebesaran Ahli - Sultan Sharafuddin Idris Shah (AIS) kepada 14 orang.

Seramai tujuh individu turut dikurniakan Bintang Perkhidmatan Cemerlang (BPC) sempena ulang tahun keputeraan baginda.

Tarikh majlis istiadat penganugerahan Darjah dan Bintang Kebesaran serta Pingat itu dimaklumkan kemudian.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 12 December 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	TAK PERLU PANGKAH SAYA
Muka Surat	:	18

'TAK PERLU PANGKAH SAYA'

Ali Biju umum tarik diri bertanding mahu berkempen aktif bantu calon GPS



Saratok

Slepas mengumumkan penarikan diri daripada bertanding sebagai calon Bebas bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Krian kelmarin, Datuk Ali Biju berkata, beliau akan membantu calon Gabungan Parti Sarawak (GPS).

Naib Pengerusi Bersatu Sarawak itu berkata, beliau akan menerangkan kenapa langkah untuk berundur daripada pilihan raya berkenaan dibuat agar pengundi dan penyokong tahu bahawa keputusan itu adalah bagi kebaikan semua pihak.



ALI (kiri) bersama Mohamed Azmin ketika sidang media mengenai keputusannya menarik diri daripada bertanding dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak ke-12 di Saratok, kelmarin.

"Saya akan ke kampung-kampung dan setiap rumah panjang dan terangkan kepada pengundi supaya tidak perlu pangkah saya, pangkah calon GPS. Ini saya akan buat semasa saya berjumpa pengundi di peringkat akar umbi," kata Ali, yang

merupakan penyandang kerusi Krian pada sidang media di sini. Kelmarin, Ali yang juga Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli berkata keputusan itu adalah bagi memelihara muafakat serta memperkukuh hubungan

antara Perikatan Nasional (PN) dan GPS.

Semasa penamaan calon pada Isnin, Ali membuat kejutuan apabila tampil bertanding sebagai calon Bebas di Krian, bertentangan dengan pendirian Presiden Bersatu Tan Sri Muhyiddin Yassin

yang memutuskan parti itu tidak bertanding pada PRN kali ini, sebaliknya memberi sokongan kepada GPS.

Walaupun nama Ali secara rasminya masih akan tersenarai di kertas undi nanti, pertandingan sebenar bagi merebut kerusi Dun Krian kini membabitkan calon GPS, Friday Belik; Musa Dinggat daripada Parti Sarawak Bersatu (PSB) dan Danny Kuan daripada Parti Bumi Kenyalang (PBK).

Selaras dengan keputusan itu, Ali yang juga Ahli Parlimen Saratok turut merayu agar penyokongnya selama ini memberi sokongan kepada calon GPS.

"Kita kena tenangkan penyokong saya yang selama ini setia selama 10 tahun, dan dengan kenyataan baik dan bermakna, maka saya rasa penyokong saya boleh menerima iaitu kita memberi laluan kepada GPS dan menyokong calon GPS di

Krian," katanya pada sidang media yang turut dihadiri Ketua Penerangan PN Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Ali merupakan penyandang kerusi Dun Krian selama dua penggal apabila meraih undi terbanyak pada PRN 2011 dan 2016 ketika mewakili PKR. Pada 2016, beliau menewaskan calon Barisan Nasional (BN), Kilat Beriak dengan majoriti 1,640 undi.

Dengan pengorbanan yang dilakukannya itu, Ali turut berharap agar GPS memberikan laluan kepada Bersatu untuk bertanding di Parlimen Saratok yang turut disandangnya pada Pilihan Raya Umum ke-15 akan datang.

Sementara itu, Mohamed Azmin turut menzahirkan penghargaan kepada Ali atas pengorbanannya demi memperkukuh hubungan akrab antara GPS dan Bersatu di peringkat Persekutuan.

"Kita memberi laluan kepada GPS dan menyokong calon GPS di Krian"
 Ali



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
12 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Gegar Tanjong Karang, Sabak Bernam
Muka Surat	:	24

Gegar Tanjong Karang, Sabak Bernam

Konvoi #RasuahBusters redah lebih 130km demi dekati segenap lapisan masyarakat

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

TANJONG KARANG

Hari ketiga Konvoi #RasuahBusters lebih meriah dan istimewa apabila rombongan jelajah berkonvoi sejauh lebih 130 kilometer (km) demi mendekati penduduk kampung dan warga desa di Tanjong Karang dan Sabak Bernam.

Lokasi pertama pasukan Konvoi #RasuahBusters yang diiringi jentera Polis Selangor ialah Pasar Awam Tanjong Karang.

Aktiviti singgah santun Konvoi #RasuahBusters di Pasar Awam Tanjong Karang bertambah meriah dengan kehadiran penyanyi legenda, Herman Tino yang menghiburkan orang ramai.

Sambil menghiburkan orang ramai dengan lagu-lagu hitnya, Herman, 67, atau nama sebenarnya Masrun Tamisi turut menyelitkan pesanan dan peringatan agar masyarakat menolak perbuatan rasuah.

Apa yang menarik, penyanyi



Konvoi#RasuahBusters turut mengunjung! IPD Sabak Bernam pada Sabtu.

legenda yang sinonim dengan lagu Melayu Deli itu turut mendendangkan lagu menolak amalan rasuah dalam bahasa Jawa.

Penyanyi yang popular dengan pelbagai lagu, antaranya *Derma Bukan Tontonan* dengan tegas menyeru orang ramai tidak terlibat dengan rasuah.

Mesra dengan panggilan Pak Man, penyanyi anak kelahiran Tanjong Karang itu menyatakan dia agak sedikit kekok dan malu menyanyi di hadapan kawan-kawan sekampung, namun tetap bersemangat demi menjayakan misi Rasuah Busters yang hadir di kampung halamannya.

"Saya sangat terharu dan suka dengan kehadiran Rasuah Busters

berada di Tanjong Karang hari ini untuk menyampaikan mesej anti rasuah kepada orang ramai di sini.

"Saya ialah orang yang anti-rasuah dan saya menyanyi hari ini untuk sampaikan mesej tolak rasuah demi kesejahteraan rakyat serta negara," katanya semasa menghiburkan orang ramai di sini pada Sabtu.

Lokasi kedua Konvoi #RasuahBusters pada Sabtu ialah Medan Selera Tonggak 9, Sungai Besar di Sabak Bernam, Selangor.

Majlis bersama orang ramai itu dimeriahan dengan kehadiran Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pasir Panjang, Datuk Mohd Imran Tamrin; Pengarah



Orang ramai tidak melepaskan peluang menyanyi bersama Herman Tino.

Jabatan Khidmat Pengurusan Majlis Daerah Sabak Bernam, Rosmah Ihsan dan Penguasa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Putrajaya, Tavamalar R Krisnan.

Selain itu, Ketua Ikram Muda Malaysia, Mohd Hafiz Abd Hamid bersama Ikram Sabak Bernam turut menjayakan Konvoi #RasuahBusters di Medan Selera Tonggak 9.

Pelbagai hadiah istimewa diberikan kepada orang ramai secara percuma termasuk bantal khas yang disediakan oleh stesen radio terkemuka negara, Era FM dan Sinar FM.

Tidak hanya mendekati orang awam, Konvoi #RasuahBusters

turut menyebarkan mesej anti-rasuah kepada pasukan beruniform apabila mengunjung! Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam.

Pasukan Konvoi #RasuahBusters disambut oleh Ketua Polis Balai Sungai Besar, Inspektor Muhd Norizan Ramli.

Destinasi seterusnya konvoi petang Sabtu ialah lokasi tumpuan pelancong iaitu di Hentian D'Jerami 88 dengan ADUN Pasir Panjang, Mohd Imran turut menyampai ucapan dan kata-kata semangat melawan rasuah.

Program hari ketiga berakhir dengan Program Sinar Live di NZ Curry House di Wangsa Maju, Kuala Lumpur.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR 11 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	KSN, barisan hadapan antara penerima darjah kebesaran Selangor
Muka Surat	:	-



Berita
 Sukan
 Dunia
 Hiburan
 Bisnes
 Rancangan
 Wanita
 Hujung Minggu
 BH Kapsul
 COVID-19 VAKSIN
 PIN Sarawak

5x8



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi
 Disclaimer



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	38 penduduk flat ditawarkan pangsapuri RM300,000
Muka Surat	:	-



Berita
 Sukan
 Dunia
 Hiburan
 Bisnes
 Rancangan
 Wanita
 Hujung Minggu
 BH Kapsul
 COVID-19 VAKSIN
 PIN Sarawak

5x8

BH ONLINE
 RUTU KAMAR DE

BH
 App Store
 Google Play

BH
 App Store
 Google Play

BERITA
 BHPPLUS
 Nasional
 Kase
 Politik
 Pendidikan
 Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HULJUNG MINGGU
MULTIMEDIA
 Foto
 BHTV
 Infografik

LANGGAN
 Akhbar Digital
 Akhbar BH

PERKHIDMATAN
 Iklan Web
 Iklasklifieds
 NSTP KLIK

RADIO
 Hot FM
 Buletin FM
 Fly FM
 8FM

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi
 Disclaimer



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Ali Biju kena jelaskan keadaan bantu GPS
Muka Surat	:	-



Berita
 Sukan
 Dunia
 Hiburan
 Bisnes
 Rancangan
 Wanita
 Hujung Minggu
 BH Kapsul
 COVID-19 VAKSIN
 PIN Sarawak

5x8

BH ONLINE
 RUTU KAMAR DE

BH
 App Store
 Google Play

BH
 App Store
 Google Play

BERITA
 BHPPLUS
 Nasional
 Kena
 Politik
 Pendidikan
 Wilayah

SUKAN
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HULJUNG MINGGU
MULTIMEDIA
 Foto
 BHTV
 Infografik

LANGGAN
 Akhbar Digital
 Akhbar BH

PERKHIDMATAN
 Iklan Web
 Iklasklifieds
 NSTP KLIK

RADIO
 Hot FM
 Buletin FM
 Fly FM
 8FM

2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi
 Disclaimer



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Ali kena jelaskan keadaan bantu GPS
Muka Surat	:	-



Berita
 Sukan
 Dunia
 Hiburan
 Bisnes
 Rancangan
 Wanita
 Hujung Minggu
 BH Kapsul
 COVID-19 VAKSIN
 PIN Sarawak

5x8



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi
 Disclaimer



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Keputusan Ali Biju kukuhkan hubungan Persekutuan, negeri
Muka Surat	:	-



Berita
 Sukan
 Dunia
 Hiburan
 Bisnes
 Rancangan
 Wanita
 Hujung Minggu
 BH Kapsul
 COVID-19 VAKSIN
 PIN Sarawak

5x8



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi
 Disclaimer



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Sektor pelancongan bakal 'bangkit'semula
Muka Surat	:	-



Berita
 Sukan
 Dunia
 Hiburan
 Bisnes
 Rancangan
 Wanita
 Hujung Minggu
 BH Kapsul
 COVID-19 VAKSIN
 PIN Sarawak

5x8



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi
 Disclaimer



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991




KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	Berita Harian Online
Tajuk Berita	:	Siasatan pengambilan tanah PKNS Sungai Baru ditangguh tahun depan
Muka Surat	:	-



Berita
 Sukan
 Dunia
 Hiburan
 Bisnes
 Rancangan
 Wanita
 Hujung Minggu
 BH Kapsul
 COVID-19 VAKSIN
 PIN Sarawak

5x8



2021 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd. A part of Media Prima Group

Redaksi
 Disclaimer



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
11 December 2021

Akhbar	:	Berita RTM
Tajuk Berita	:	Semarakan Semula Industri Pelancongan
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	KOSMO Online
Tajuk Berita	:	Warga emas lumpuh hidup sendirian
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 December 2021		
Akhbar	:	Malysiakini Online
Tajuk Berita	:	Cukai hiburan S'gor: Sebenarnya penurunan dari 25% ke 15%
Muka Surat	:	-

Cukai hiburan S'gor: Sebenarnya penurunan dari 25% ke 15%

Keajaian Selangor menjelaskan pelaksanaan cukai hiburan sebanyak 15 peratus yang dikenakan terhadap persembahan bertukar sebenarnya penurunan daripada kadar asal.

Exco Pembangunan Luar Bandar dan Kebudayaan Selangor Borhan Aman Shah menjelaskan pelaksanaan cukai tersebut digambarkan secara positif sehingga kerajaan negeri diiktiraf sebagai salah-salah mengendok cukai baru.

"Yang tepat ialah, kerajaan negeri mengurangkan cukai persembahan hiburan daripada 25 peratus menjadi 15 peratus, manakala cukai tamon tema menjadi 5 peratus berbanding sebelum ini 25 peratus.

"Apa yang dilakukan ini adalah bagi menyatakan solidariti kerajaan negeri dengan nasib yang merimpa pengusaha-pengusaha seni," katanya kepada Malayiakini semalam.

Baru-baru ini, muncul rasa tidak puas hati sesetengah pihak berkuat pengumuman kerajaan negeri mengenai cukai sebanyak 15 peratus.

Ia mendorong penggiat seni melancarkan memorandum bagi menyatakan bantahan terhadap Menteri Besar Selangor Amirudin Shari.

Menurut memorandum tersebut, keadaan industri seni ini lebih parah selepas dua tahun tidak dapat menjalankan aktiviti seperti biasa apabila negara melaksanakan perintah kawalan pergerakan (PKP) gara-gara Covid-19.

Pada 8 Disember lalu semasa berbahas di Dewan Undangan Negeri Selangor, Amirudin berkata kerajaan negeri kehilangan lebih RM50 juta disebabkan ketiadaan cukai hiburan.

Dia memberi contoh bagaimana penggiat wayang yang tidak dibenarkan beroperasi seawaktu PKP dilaksanakan sehingga menjejaskan perolehan kerajaan negeri.

"Penguangan tersebut akan memberi kesan kepada kemajuan dan hasil negeri," katanya dipetik Bernama semasa menggiugut usul Belanjawan Peruntukan Pembangunan 2022.

Borhan berkata sabanrang persembahan yang mengenakan tiket atau bayaran semestinya dikenakan cukai hiburan dengan kadar 25 peratus dan ia dilaksanakan begitu di semua negeri.

"Namun, menginsafi nasib semua kegiatan seni yang terkesan akibat Covid-19, lebih-lebih lagi industri persembahan dan hiburan yang hampir-hampir tidak dapat beroperasi, kerajaan negeri mengemukakan (waive) cukai hiburan 25 peratus tersebut, terhad kepada tontonan tema sahaja untuk tahun 2021," kata Adun Tanjung Sepat tu.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
12 December 2021		
Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Istighathah kepada Rasulullah SAW syirik?
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the myMetro website interface. At the top, there's a navigation bar with the Metro logo and various menu options. The main content area features a large article titled "Istighathah kepada Rasulullah SAW syirik?". The article includes a prominent image of a person in a blue robe, likely a religious figure, and text discussing the topic. Below the main article, there are several smaller news snippets and advertisements, including one for "JOM KUKUT BEKALI" and another for "3 AKHBAR PERANA". The website layout is clean and professional, with a clear focus on the featured article.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 11 December 2021		
Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	KSN, barisan hadapan antara penerima darjah kebesaran Selangor
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
10 December 2021

Akhbar	:	myMetro On-line
Tajuk Berita	:	Kemenangan GPS adalah kemenangan saya - Ali Biju
Muka Surat	:	-






PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	4,400 pemain industri bincang hala tuju pelancongan pasca Covid-19
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	MB merafak sembah tahniah kepada Sultan Selangor
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Mesej antirasuah bergema di Selangor
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	PM ucap tahniah sempena Hari Keputeraan Sultan Selangor
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 11 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Sabak Bernam destinasi kedua singgah santai Konvoi #RasuahBusters
Muka Surat	:	-

The screenshot shows a news article on the Sinar Harian website. The main headline is "Sabak Bernam destinasi kedua singgah santai Konvoi #RasuahBusters". Below the headline is a photograph of a group of people in orange shirts and blue shorts, likely participants in the anti-corruption rally. The article text is partially visible, starting with "SABAK BERNAM - Hari ini, Konvoi #RasuahBusters mencapai ke Sabak Bernam dengan..." and "Hadir dalam rombongan adalah...".

Below the article, there is a section titled "Artikel Berkaitan" (Related Articles) with several Sinar Harian logos and titles. At the bottom, there is a "TERMINI | CEREKAS" section with a list of 5 items, and a "Newsletter" sign-up form.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
11 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Selangor agih RM23.2 juta bantuan sekolah
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
10 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Budaya tinggal inap rancakkan industri pelancongan Selangor
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
10 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Jafri gembira dapat semula rentak permainan
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 10 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Konvoi #RasuahBusters
Muka Surat	:	-

The screenshot shows the Sinar Harian website interface. At the top, there's a navigation bar with the Sinar Harian logo and date 'Jumaat | 10 Disember 2021'. Below the navigation bar, there are social media icons for Facebook, Twitter, YouTube, Instagram, and LinkedIn. The main content area features the article title 'Konvoi #RasuahBusters' with a sub-headline 'A A' and a short introductory paragraph. Below the text, there are several 'Artikel Berkaitan' (Related Articles) with their respective thumbnails and titles. At the bottom of the article, there is a 'TERSENI' (Trending) section with a list of five items, a 'POPULAR' section, and a 'Newsletter' sign-up form. The footer contains contact information, social media links, and app store download buttons for the App Store and Google Play.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
10 December 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian Online
Tajuk Berita	:	Pembangunan Kampung Sungai Baru: Pemaju tawar pangsapuri
Muka Surat	:	-





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
